

# Berita @ BUTeM

www.utem.edu.my | edisi Disember 2012



Selamat Tahun Baru



## UTeM *ungguli* ANUGERAH KEUSAHAWANAN KPT 2012



Pensyarah FTK  
Harumkan Nama  
Universiti Di Peringkat  
ASEAN



UTeM dan IEEE *Berkolaborasi Anjara*  
PERSIDANGAN ANTARABANGSA  
APAGE 2012

ISSN 1985 - 4706



9 771985 47 0003

# Isi Kandungan Disember

- 2 Naib Canselor Dianugerah Tokoh Maal Hijrah
- 3 UTeM Perkuh Hubungan Dengan Industri
- 4 UTeM Ungguli Anugerah Keusahawanan KPT 2012
- 5 Taklimat Perdana TNC PI
- 6 Bahagian Keselamatan Tampil Imej Pakaian Seragam Baharu
- 7 Rakan Keselamatan Universiti Tingkat Kesejahteraan & Keharmonian Kampus
- 8 Pensyarah FTK Harumkan Nama Universiti Di Peringkat ASEAN
- 9 Penganjuran Konvensyen Keusahawanan Mahasiswa Zon Selatan Capai Sasaran
- 10 UTeM dan IEEE Berkolaborasi Anjur Persidangan Antarabangsa APACE 2012
- 11 PECS 2012 Himpun Pakar Dalam Bidang Penukaran Tenaga Diperbaharui
- 12 Institusi Pengajian Tinggi Indonesia Iktiraf Kecemerlangan UTeM
- 13 Majlis Penghargaan Penaja Kembara Persaudaraan Islam UTeM
- 14 Mahasiswa FTK Turut Menyertai Di UTeM UNOCRIN Challenge 2012
- 15 Fakulti Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Juara SAF 2012
- 16 Tahniat : Eksesais Kenaikan Pangkat Siri 2/2012
- 17 Pusat Islam Anjur Program Smart Tahfiz Smart Solat Siri 2 Tahniat : Kelahiran
- 18 Riadah Bersama NC
- 19 Kursus Penulisan Islami Program Motivasi Bulanan : Keluarga 69

## Naib Canselor Dianugerahkan Tokoh Maal Hijrah 1434H Universiti Sains Malaysia



**5 Disember** : Sambutan Maal Hijrah Universiti Sains Malaysia (USM) 1434H telah berlangsung hari ini di Dewan Budaya USM dengan penuh kemeriahan dan dihadiri oleh seluruh warga universiti itu.

Sambutan diadakan bertujuan meningkatkan kefahaman warga kampus dalam menghayati hijrah Rasulullah, mengeratkan perpaduan dalam kalangan warga universiti dan umat Islam dan menghargai sumbangan individu yang menyumbang ke arah perkembangan dakwah Islamiah.

Majlis Penganugerahan turut diadakan pada sambutan itu adalah untuk mengiktiraf ketokohan dan sumbangan besar individu-individu yang banyak berjasa dan memberi sumbangan sama ada dalam bidang kerjaya dan menegakkan syiar Islam.

Mendahului senarai penerima, Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan telah dianugerah sebagai Tokoh Maal Hijrah USM 1434H, sekaligus membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM5,000, sijil penghargaan serta trofi.

Pemilihan beliau sebagai Tokoh Maal Hijrah 1434H adalah menghargai sumbangan di dalam bidang akademik, ketokohan dan sumbangan bermakna di dalam bidang pentadbiran serta penglibatan di dalam aktiviti penyebaran Islam.

Selain pengiktirafan kepada Tokoh Maal Hijrah, Pusat Islam USM turut menyampaikan anugerah kepada kakitangan lain melalui beberapa kategori utama termasuk Anugerah Kecemerlangan Maal Hijrah (Kategori Akademik), Anugerah Kecemerlangan Maal Hijrah (Kategori Pengurusan dan Profesional), Anugerah Kecemerlangan Maal Hijrah (Kategori Sokongan), Anugerah Khas Pusat Islam serta Anugerah Khas Naib Canselor.

Kesemua anugerah telah disampaikan oleh Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr. Omar Osman.



## UTeM Perkukuh Hubungan Dengan Industri Berteknologi Tinggi

**20 Disember** : UTeM meneruskan usaha menjalin kerjasama erat dengan pihak industri dalam memastikan kualiti modal insan yang dihasilkan benar-benar menepati keperluan negara.

Terbaru, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan SMC Pneumatics (SEA) Sdn Bhd, sebuah syarikat ternama dunia yang mempelopori kepakaran dalam teknologi automasi, kejuruteraan pneumatik dan elektronik.

Menurut Dekan FKEKK, Prof. Madya Dr. Abdul Rani Othman ketika ditemui berkata, SMC ialah sebuah syarikat pengeluar dan memiliki kepakaran khusus dalam teknologi automasi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan kerjasama yang dimeterai bakal mewujudkan sebuah pusat kecemerlangan untuk melahirkan tenaga profesional dalam bidang tersebut.

"Kerjasama di antara FKEKK dan SMC merupakan peluang terbaik bagi kedua-dua belah pihak untuk saling berkongsi pengalaman dan kepakaran terutama sekali ahli-ahli akademik di fakulti ini untuk meningkatkan mutu penyelidikan melalui kolaborasi yang terjalin," jelas Dr. Abdul Rani.

MoU yang dimuktamadkan dalam majlis itu menjurus kepada pembentukan sebuah pusat latihan yang dikenali sebagai Pusat Kecemerlangan Latihan Ekektronik Automasi selain kerjasama dua hala dalam bidang latihan dan penyelidikan.

Sementara itu, Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan sewaktu menyampaikan ucapan dalam majlis tersebut memuji kesungguhan yang ditunjukkan oleh kedua-dua belah pihak dalam merealisasikan kerjasama pintar antara universiti dan industri.

"Saya ingin merakamkan terima kasih kepada SMC Pneumatics (SEA) Sdn Bhd di atas minat dan iltizam untuk bekerjasama dengan UTeM seterusnya mencipta dimensi baru ke arah kerjasama yang lebih akrab pada masa akan datang," kata Dr. Ahmad Yusoff.

"Dengan bergabungnya kerjasama dengan SMC, kita amat berharap kepakaran dalam bidang latihan dan penyelidikan dapat dikongsi bersama dan inisiatif sebegini adalah seperti yang diharapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)," jelasnya lagi.

SMC (Pneumatics) SEA Sdn Bhd merupakan cawangan di Malaysia kepada SMC Corporation, Jepun yang merupakan antara pengeluar terbesar dunia bagi barangan elektronik automasi dan kawalan pneumatik.

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus melakar kegemilangan di peringkat nasional apabila dipilih sebagai pemenang kategori Keusahawanan Staf Inovatif pada majlis Anugerah Keusahawanan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) 2012.



## UTeM Ungguli ANUGERAH KEUSAHAWANAN KPT 2012

**6 Disember** : Berlangsung di Hotel Grand Hyatt Kuala Lumpur, majlis tersebut menyaksikan enam Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) melayakkan diri ke peringkat akhir untuk merebut anugerah keusahawanan dalam beberapa kategori yang dipertandingkan.

Anugerah Keusahawanan KPT diwujudkan untuk melahirkan persekitaran kondusif dan menyediakan platform pembangunan usahawan di peringkat IPTA melibatkan mahasiswa, akademik dan penyelidikan.

Menteri Pengajian Tinggi Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin yang hadir menyempurnakan majlis itu dalam ucapannya berkata, kementerian memperkenalkan Anugerah Keusahawanan KPT pada tahun ini dengan fokus utama untuk merangsang ekosistem pendidikan keusahawanan di IPT.

"Ianya juga sebagai menghargai peranan IPT yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam usaha berterusan mempromosikan pendidikan keusahawanan dalam organisasi masing-masing," katanya lagi.

Anugerah Keusahawanan Staf Inovatif telah disampaikan oleh Mohamed Khaled kepada Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan yang membawa pulang trofi dan wang tunai sebanyak RM 50 ribu.



Dr. Ahmad Yusoff ketika ditemui, melahirkan rasa syukur di atas kemenangan itu kerana persaingan dengan universiti lain amat sengit namun usaha gigih semua pihak di UTeM nyata membuahkan hasil.

Jelasnya lagi, UTeM sentiasa menitikberatkan penerapan nilai keusahawanan melalui pelbagai program melibatkan mahasiswa mahupun kakitangan dengan penganjuran aktiviti seperti ceramah eksekutif, kolaborasi dengan industri dan pendedahan kepada bidang perniagaan.

"Kemenangan ini bakal menyuntik semangat warga UTeM untuk terus menunjangi keusahawanan sebagai salah satu elemen penting dalam melahirkan modal insan berkualiti selaras dengan hasrat KPT," ujar beliau lagi.

Mengiringi UTeM ke peringkat akhir ialah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).



## Taklimat Perdana Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) **UTeM : KE ARAH KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN BERTARAF DUNIA**

**18 Disember** : Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor hari ini menyampaikan taklimat perdana kepada ahli-ahli akademik di Auditorium Canselori.

Bertemakan "Pemeriksaan Dan Kecemerlangan Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan di UTeM" Dr. Mohd Jailani menyampaikan taklimat berkaitan hala tuju universiti khususnya dalam bidang penyelidikan di hadapan hadirin yang terdiri daripada pensyarah dari pelbagai fakulti dan pusat.

Beliau turut menjelaskan dengan terperinci peluang-peluang penyelidikan melalui penawaran geran oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) seperti Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang

(LRGS), Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Skim Geran Penyelidikan Eksploratori (ERGS) dan Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS).

Dalam taklimat tersebut, beliau menyeru penyelidik UTeM agar melipatgandakan usaha serta lebih agresif dalam permohonan geran-geran yang dikeluarkan oleh KPT dan lain-lain agensi termasuk industri.

Jelas Dr. Mohd Jailani, penyelidik perlu diberi kesedaran dan galakan penuh di samping strategi berkesan bagi membolehkan lebih banyak geran diperolehi dari dalam dan luar negara, dari agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

Menurutnya lagi, pengurusan tertinggi UTeM sentiasa memberi galakan dan sokongan padu kepada penyelidik untuk memohon geran-geran yang ditawarkan oleh kerajaan mahupun pihak swasta dan industri.

Taklimat yang disampaikan oleh Dr. Mohd Jailani turut menumpukan kepada hala tuju universiti bersandarkan kepada Pelan Strategik UTeM 2012-2020 dan pemeraksanaan penyelidikan seiring aspirasi KPT dan negara.

Beliau juga menyeru penyelidik muda agar meningkatkan usaha untuk mendapatkan geran-geran ditawarkan seterusnya berupaya menghasilkan penyelidikan yang boleh memberi impak dan manfaat kepada semua.



# Bahagian Keselamatan Tampil Imej Pakaian Seragam Baharu

**20 Disember** : Seramai 85 orang anggota Bahagian Keselamatan UTeM kini tampil dengan imej yang lebih menonjol bersama dengan pakaian seragam baharu. Penampilan mereka ditonjolkan dalam perbarisan sempena majlis Pelancaran Pakaian Seragam Baharu Staf Keselamatan UTeM yang diadakan bertempat di Dataran Canselori, Kampus Induk Durian Tunggal.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan dan dihadiri oleh pengurusan tertinggi, pegawai-pegawai kanan serta kakitangan di Bangunan Canselori.

Menurut Dr. Ahmad Yusoff Hassan, dengan penampilan seragam baharu anggota keselamatan universiti diharap dapat meningkatkan lagi semangat dan motivasi mereka untuk bekerja bersungguh-sungguh serta memainkan peranan yang cukup aktif serta mampu menaikkan nama UTeM.

“Justeru itu dengan pertukaran seragam ini juga memberi gambaran bahawa Bahagian Keselamatan UTeM kini bersedia bagi mendepani pelbagai cabaran dan halangan yang bakal dirintangi pada masa hadapan”.

“Manakala pihak universiti pula sentiasa memberi sokongan berterusan kepada bahagian ini dalam melonjakkan anjakan paradigma serta komitmen dalam membuat perubahan demi perubahan pada masa akan datang”, ujar beliau.

Mengulas lanjut beliau berkata, antara perubahan besar yang akan dilaksanakan pada masa terdekat nanti adalah proses transformasi Bahagian Keselamatan UTeM kepada Pasukan Polis Bantuan UTeM menjelang tahun 2013 nanti.

Dalam majlis tersebut, Naib Canselor telah memeriksa perbarisan 45 orang anggota keselamatan UTeM bersama pakaian seragam baharu mereka.

Pada masa yang sama Bahagian Keselamatan UTeM turut menonjolkan aksi dan kemahiran anggota pasukan mereka dalam persembahan T Batton yang mana pasukan tersebut telah menjalani latihan intensif sebelum ini.



# RAKAN KESELAMATAN UNIVERSITI TINGKAT KESEJAHTERAAN DAN KEHARMONIAN KAMPUS

**20 Disember** : UTeM kali ini tampil dengan inisiatif untuk meningkatkan tahap keselamatan seluruh kampusnya dengan memperkenalkan Rakan Keselamatan Universiti (RKU).

Dilancarkan oleh Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan, penubuhan RKU merupakan satu langkah berinisiatif tinggi yang telah diambil oleh Bahagian Keselamatan UTeM untuk mewujudkan persekitaran kampus yang sejahtera dan selamat serta bebas daripada ancaman jenayah.

Dr. Ahmad Yusoff dalam ucapannya sewaktu perasmian berkata, keselamatan universiti merupakan tanggungjawab bersama yang dipikul oleh setiap warganya dan inisiatif RKU bakal menjadikan seluruh kampus termasuk kemudahan asrama dan fasiliti lain berada dalam keadaan selamat.

"RKU diwujudkan untuk melahirkan rasa kecintaan terhadap universiti dengan melatih warganya untuk sentiasa berada dalam keadaan berwaspada, ambil berat serta prihatin sekaligus menjadikan kampus UTeM selamat untuk didiami," kata Dr. Ahmad Yusoff.

Jelasnya lagi, melalui pengenalan RKU, seluruh warga universiti didedahkan dengan aspek keselamatan harta serta langkah-langkah pencegahan perlakuan jenayah seperti kecurian, pencerobohan dan vandalisme.

Penerapan nilai prihatin dan ambil berat dititikberatkan oleh RKU yang berperanan sebagai mata dan telinga Bahagian Keselamatan UTeM untuk melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan kepada pusat kawalan yang beroperasi 24 jam.

Justeru, poster mengenai nombor-nombor penting Bahagian Keselamatan UTeM mula diedarkan dan ditampal di lokasi strategik bagi membolehkan sebarang laporan atau aduan berkaitan keselamatan dan ketenteraman dapat disalurkan dengan segera.

"Diharapkan dengan adanya RKU maka unsur-unsur jenayah dapat dielakkan dan mahasiswa serta kakitangan dapat menjalankan amanah dengan hati yang tenang dan sejahtera," kata Dr. Ahmad Yusoff lagi.

Pada majlis tersebut, Pendaftar UTeM, Datuk Hasan Sirun diiringi Pengarah Bahagian Keselamatan, Affindi Abu Bakar menyerahkan skrol bunting dan poster RKU kepada Dr. Ahmad Yusoff sebagai simbolik pelancaran disaksikan pegawai-pegawai kanan universiti.



**UTeM** Rakan Keselamatan UTeM (RKU)

- Membantu mewujudkan kesedaran keselamatan di UTeM
- Membantu mewujudkan komuniti UTeM yang peka dan endah terhadap keselamatan dan keamanan semua pihak
- Membantu di dalam penyaluran maklumat yang lebih efisien kepada Bahagian Keselamatan UTeM

**Kejadian & Jenayah yang sering berlaku**

- Mencuri
- Buli
- Vandalism
- Gaduh
- Kesalahan Meletak Kereta

**Semua aduan boleh diajukan kepada Pusat Kawalan yang beroperasi 24jam di :**

Hotline : 06 331 6020  
SMS : 012 294 6020  
Fax : 06 331 6369  
E-mel : rku@utem.edu.my



## Pensyarah FTK HARUMKAN NAMA UNIVERSITI Di Peringkat ASEAN

**21 Disember** : Pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Mohd Farriz Hj Md Basar telah mencipta sejarah apabila dipilih sebagai penerima anugerah Dewan Perniagaan Malaysia-China (MCCC) "Green Award 2012" dalam satu majlis yang diadakan baru-baru ini.

MCCC dengan kerjasama ASEAN Academy of Engineering and Technology (AAET) yang menganjurkan majlis penganugerahan tersebut dalam satu kenyataan menjelaskan bahawa anugerah berprestij itu diwujudkan bagi mengiktiraf penyelidik dan usahawan muda dari negara ASEAN dalam bidang teknologi hijau dan berjaya menghasilkan penyelidikan, rekapipta yang mempunyai nilai komersial, penerbitan berkualiti serta diiktiraf oleh dunia akademik.

Seorang penyelidik bagi setiap negara ASEAN dipilih untuk menerima anugerah kategori "ASEAN Country Winner". Manakala dua lagi kategori yang dipertandingkan adalah "Excellent Prize Winners" dan "Merit Winner".

Mohd Farriz telah dipilih sebagai pemenang yang mewakili Malaysia dalam kategori "ASEAN Country Winner" melalui sumbangan beliau dalam bidang keusahawanan teknologi hijau (Green Entrepreneur). Beliau turut mencipta kejayaan gemilang apabila dipilih di antara empat penyelidik terbaik di Asia Tenggara untuk menerima "Excellent Prize Winner".

Antara pemenang-pemenang "Excellent Prize Winner" yang lain adalah daripada negara Laos, Myanmar dan Singapura. Dengan kesemua anugerah tersebut beliau membawa pulang sijil, piala, dan wang tunai sebanyak RM10,000 (USD3,500).

Dengan pencapaian tersebut, Mohd Farriz bersama tiga pemenang lain dilantik menjadi duta Pertubuhan ASEAN Academy of Engineering and Technology (AAET) yang bertanggungjawab memberikan sumbangan kepada masyarakat ke arah mengurangkan kesan buruk perubahan iklim, melindungi alam sekitar dan membantu merealisasikan sebuah dunia yang lebih hijau untuk hari mendatang.

Dalam pada itu Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Prof. Madya Mohd Rahimi Yusoff ketika ditemui melahirkan rasa gembira di atas kejayaan Mohd Farriz dan berharap agar pencapaian itu bakal dijadikan inspirasi oleh penyelidik lain untuk terus berusaha menghasilkan inovasi berimpak tinggi.





## Penganjuran

# KONVENSYEN KEUSAHAWANAN MAHASISWA ZON SELATAN CAPAI SASARAN

**15 Disember** : UTeM dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (PERDASAMA) dan Sekretariat Anak Melaka UTeM (SAM) hari ini menganjurkan Konvensyen Keusahawanan Mahasiswa IPT Zon Selatan di Dewan Besar.

Menurut Pengarah Program, Muhammad Asri Yaakub berkata, program itu bertujuan untuk melatih dan mendedahkan pelajar mengenai penerapan elemen keusahawanan dalam diri serta menerokai segala peluang yang ada.

Selain itu, program tersebut berperanan sebagai platform membangun dan membina perniagaan daripada kepelbagaian bentuk kluster perniagaan yang sedia ada. Konvensyen itu digerakkan oleh sebuah program di bawah Projek Mutiara Nasional anjuran PERDASAMA.

Taklimat dan ceramah peluang-peluang perniagaan oleh KPT, MARA, SME Corp, PUNB, PNB serta Bahagian Pembangunan Francais, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan dari Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) turut diadakan pada konvensyen tersebut.

Manakala pameran usahawan-usahawan yang berjaya, agensi kerajaan dan insituti kewangan serta pepadanan perniagaan (business matching) dan klinik usahawanan juga turut diadakan.

Majlis penutup telah disempurnakan oleh Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Haji Mohd. Ali Mohd. Rustam pada sebelah petangnya.





## UTeM dan IEEE Berkolaborasi Anjur

# PERSIDANGAN ANTARABANGSA APACE 2012

**11 Disember** : Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) dengan kerjasama Institution of Electrical and Electronics Engineers (IEEE) hari ini menganjurkan persidangan 2012 Asia Pacific Conference on Applied Electromagnetic (APACE 2012) di sebuah hotel di Bandaraya Melaka.

Menurut Dekan FKEKK yang juga Pengerusi Program Teknikal APACE 2012, Prof. Madya Dr. Abdul Rani Othman berkata, persidangan itu melibatkan penyertaan pakar industri, penyelidik serta ahli akademik dari rantau Asia Pasifik untuk berkongsi hasil-hasil penyelidikan.

"APACE 2012 merupakan satu persidangan yang amat dinantikan oleh jurutera dan ahli akademik untuk mempersembahkan penemuan dan perkongsian saintifik dalam bidang elektronik," jelas Dr. Abdul Rani ketika ditemui.

Jelasnya lagi, penganjur mensasarkan penyertaan sebanyak 200 kertas kerja termasuk beberapa kertas kerja utama (keynote papers) yang akan dibentangkan oleh penyelidik terkemuka.

Antara bidang tumpuan persidangan itu termasuklah gelombang mikro, teknologi komunikasi wayarles dan selular, bahan termaju, sistem antenna, sistem kawalan, teknologi radar dan satelit, kepintaran komputer serta elektromagnetik.

Menurut Dr. Abdul Rani lagi, kerjasama dengan IEEE merupakan satu penghormatan besar buat fakultinya dan UTeM kerana organisasi itu merupakan persatuan teknikal terbesar di dunia yang menumpukan kepakaran ahli-ahlinya untuk menghasilkan inovasi bermanfaat kepada manusia sejagat.

"Persidangan seperti ini pernah dianjurkan pada tahun 2007 dan melalui kejayaan penganjuran pada tahun itu dan maklumbalas positif daripada peserta, IEEE sekali lagi memberi kepercayaan kepada UTeM untuk menganjurkannya di sini," kata Dr. Abdul Rani.



Himpun Pakar Dalam Bidang  
Penukaran Tenaga Diperbaharui

# PECS2012



**17 Disember:** Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) kali ini tampil dengan perkongsian strategik dengan Universiti Malaya (UM) untuk memperkasakan ahli-ahli akademik dan penyelidik mendalamami isu berkaitan tenaga diperbaharui.

Melalui program yang dirancang, FKE dengan kerjasama University Malaya Power Energy Dedicated Advanced Centre (UMPEDAC) menganjurkan Power Energy Conversion Symposium 2012 (PECS 2012) hari ini bertempat di Dewan FKE Kampus Induk.

Menurut Dekan FKE, Prof. Madya Dr. Zulkiflie Ibrahim yang juga Pengerusi program itu, sebanyak 50 pembentang kertas kerja berkaitan tenaga diperbaharui, sistem kuasa, elektronik kuasa, pengurusan tenaga, robotik dan automasi, penukaran tenaga serta pemacu motor dan rekabentuk mesin membentangkan hasil penyelidikan kepada peserta.

"Simposium ini merupakan satu terjemahan kerjasama erat di antara UTeM dan UM khususnya FKE dan UMPEDAC yang mana ianya bakal memberi impak kepada penyelidikan dalam bidang berkaitan seperti tenaga diperbaharui," ujar Dr. Zulkiflie.

UMPEDAC merupakan Pusat Kecemerlangan Institut Pengajian Tinggi (HiCoE) yang menerajui penyelidikan berfokuskan tenaga diperbaharui dan mempunyai jalinan strategik dengan UTeM sejak dari tahun 2010.

Jelasnya lagi, simposium sehari itu berperanan untuk mengukuhkan lagi penyelidikan bagi menghadapi cabaran mendatang dalam isu berkaitan pencemaran alam sekitar, pembebasan gas rumah hijau, bekalan serta krisis tenaga.

"Justeru, PECS 2012 bertemakan Kelestarian Tenaga Baharu Untuk Masa Hadapan merupakan platform terbaik bagi penyelidik untuk berkongsi hasil penyelidikan dan penemuan saintifik kepada umum," kata Dr. Zulkiflie lagi.

Kertas kerja yang terpilih dalam simposium itu akan diterbitkan dalam jurnal antarabangsa antaranya International Journal of Renewable Energy Research oleh UMPEDAC, Journal of Advanced Manufacturing Technology (JAMT), Journal of Mechanical Engineering and Technology (JMET) dan Journal of Engineering and Technology (JET) oleh UTeM.



## INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI INDONESIA IKTIRAF KECEMERLANGAN UTeM DALAM BIDANG KEJURUTERAAN DAN IGT

UTeM yang kini menjangkau usia 12 tahun penubuhan semakin mendapat perhatian dan kepercayaan daripada institusi pengajian tinggi serantau.

Baru-baru ini UTeM dikunjungi oleh dua buah institusi pengajian tinggi dari Indonesia yang ingin memperkukuhkan hubungan dua hala dalam bidang akademik dan penyelidikan.

Institusi tersebut adalah Universitas Sebelas Maret dan Institut Teknologi Bandung telah mengadakan lawatan dan perbincangan dengan beberapa fakulti di UTeM bagi melebarkan kerjasama yang telah wujud sebelum ini.

Delegasi Universitas Sebelas Maret yang diketuai oleh Didik Djoko Susilo telah mengadakan lawatan ke Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) UTeM pada 12 Disember lalu untuk meninjau dan mengadakan perbincangan terperinci berkaitan peluang kerjasama antara fakulti.


Pengarah Pejabat Antarabangsa UTeM, Prof. Dr. Nanna Suryana Herman yang hadir sewaktu menyambut ketibaan delegasi tersebut berkata, kecemerlangan UTeM di peringkat antarabangsa menjadi model kepada kebanyakan institusi pengajian tinggi di Indonesia untuk berganding bahu memperkasakan penyelidikan secara kolaborasi.

Sementara itu, Institut Teknologi Bandung turut menghantar delegasi bagi memperkukuhkan kerjasama dengan Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK).

Seramai lima orang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan institusi itu telah berkunjung ke Kampus Induk UTeM pada 18 Disember lepas untuk melihat sendiri kemudahan penyelidikan serta mengadakan pertemuan dengan dekan-dekan fakulti terbabit dalam perbincangan yang dianjurkan.

Delegasi ITB turut dibawa meninjau kemudahan makmal-makmal di FKE di samping melihat kereta Proton Saga yang diubah sepenuhnya menjadi kenderaan berkuasa elektrik.

Jelas Dr. Nanna lagi, hasil daripada kedua-dua lawatan tersebut amat positif dan beberapa program susulan dijangka akan dimuktamadkan tidak lama lagi.



# Majlis Penghargaan

## PENAJA KEMBARA PERSAUDARAAN ISLAM UTeM - KEMBOJA

**11 Disember** : Program Kembara Perpaduan Islam UTeM – Kemboja yang berlangsung pada bulan Oktober lepas telah berjaya melaksanakan misinya untuk memberi bantuan kepada umat Islam di Seam Reap, Kemboja bersempena sambutan Hari Raya Aidiladha.

Menerusi program tersebut UTeM telah berjaya mengumpulkan dana hasil sumbangan warga universiti dan penaja-penaja bagi menjayakan beberapa program sepanjang enam hari di sana.

Antara program yang dilaksanakan ialah ibadah korban dan akikah dengan sebanyak 20 ekor lembu dan 17 ekor kambing dikorbankan dan diagihkan kepada tujuh buah perkampungan Islam di sekitar kawasan Siem Reap yang berkedudukan 150 kilometer dari Bandaraya Phnom Penh.

Justeru, sebagai tanda terima kasih UTeM kepada pihak penaja yang telah memberi tajaan dan sokongan bagi menjayakan program itu, maka satu majlis penghargaan telah diadakan di bilik jamuan Pusat Islam hari ini.

Kesemua penaja iaitu Bank Simpanan Nasional, Bank Rakyat, Bank Islam, MBSB, Bank CIMB, Bank SME, Bank Persatuan, Bank RHB dan Agro Bank telah dijemput dan hadir pada majlis tersebut. Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan, pegawai-pegawai kanan dan sukarelawan Kembara Persaudaraan Islam UTeM – Kemboja turut hadir untuk meraikan penaja-penaja yang telah memberi komitmen tinggi bagi menjayakan kembara tersebut.





Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) terus memperkasakan bidang penyelidikan seiring dengan konsep pengajian berteraskan amalan dan kompetensi.

Terbaru FTK turut serta dalam mempamerkan produk penyelidikan berinovasi tinggi mereka dalam UTeM Innovation and Creative Thinkers Challenge (UNOCRIN Challenge) bertempat di Pusat Persatuan Pelajar (PPP), Kampus Induk UTeM, Durian Tunggal, baru-baru ini.

UNOCRIN Challenge 2012 merupakan anjuran Persatuan Rekapipta, Inovasi dan Pemikiran Kreatif UTeM (ASiIC) dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), UTeM. Pertandingan ini antara lain bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat dalam kalangan perekapipta muda yang terdiri daripada kalangan pelajar-pelajar UTeM dengan tema pada kali ini Teknologi Interaksi Manusia, Usahawan Muda serta Teknologi Mendatang.

Pada pertandingan UNOCRIN kali ini, FTK telah menghantar 6 penyertaan dan 5 daripada produk tersebut telah berjaya menempatkan hasil mereka antara 20 produk terbaik pada pertandingan tersebut.

Salah satu produk ciptaan telah berjaya memikat hati para juri dengan berjaya meraih tempat kedua keseluruhan, manakala empat lagi pulang dengan hadiah suguhati.

Produk yang diberi nama "Solar Tracker Controlled by Database" telah berjaya memenangi tempat kedua keseluruhan merupakan hasil inovasi, Abdul Halim Jusoh, Afzal Ridzuan Khalid, Muhammad Hafiz Mohd Yunus dan Nurhumaira Abd. Halil.

Barisan pelajar ini merupakan pelajar tahun dua, Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Automasi Industri dan Robotik). Mereka juga telah membawa pulang hadiah berupa wang tunai sejumlah RM400, selain pingat beserta sijil penyertaan. Dalam pada itu, Jurutera Pengajar, Muhammad Faizal Yaakub yang bertindak sebagai penyelia kepada projek pelajar-pelajar tersebut melahitkan rasa bangga dengan pencapaian kali ini dan berharap kejayaan ini dapat memberikan suntikan semangat untuk para pelajar untuk terus berusaha untuk mencapai keutuhan yang lebih baik, terutama pada peringkat yang lebih tinggi.

# Mahasiswa FTK Menyerlah di UTeM UNOCRIN Challenge 2012

# FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI JUARA SUKAN ANTARA FAKULTI UTeM 2012

Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) berjaya menduduki takhta johan keseluruhan Sukan Antara Fakulti 2012 (SAF 2012) yang berakhir kelmarin di Kompleks Sukan, Kampus Induk Durian Tunggal.

FTMK meraih tujuh emas, satu perak dan tiga gangsa dengan memenangi emas dalam acara tenpin bowling lelaki, sepaktakraw, lumba basikal lelaki, bola keranjang wanita, bola jaring, bolasepak 9 sebelah dan hoki wanita.

Manakala perak dimenangi dalam acara ergo machine wanita dan gangsa diperolehi dalam acara ergo machine lelaki, tenpin bowling wanita dan tenis campuran.



Naib Johan keseluruhan dimenangi pula oleh Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dengan mendapat lima emas, empat perak dan enam gangsa manakala Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) mendapat tempat ketiga dengan memperolehi empat emas, empat perak dan lima gangsa.

Menurut Pengarah Program, Muhd. Ammerul Faizal Ainul Jamilus dalam ucapan penutupan berkata, program sukan ini diadakan bagi mengenalkan pelajar-pelajar berbakat dan berpotensi dalam pelbagai sukan untuk mewakili UTeM dalam pertandingan yang diadakan di peringkat kebangsaan dan anjuran Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM).

SAF 2012 dianjurkan oleh Pusat Sukan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar UTeM. Kejohanan ini disertai oleh seramai 1500 pelajar UTeM peringkat diploma, ijazah pertama dan pelajar pasca siswazah. Sebanyak 7 fakulti telah mengambil



bahagian iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK), Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) dalam 27 acara sukan dipertandingkan.

Penyampaian hadiah disempurnakan oleh Penolong Naib Canselor (HEPA) Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman. Turut hadir Ketua Pusat Sukan Dr. Asiah Hj. Mohd. Pilus, Yang DiPertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Muhammad Noor Rusdan Abdullah, Dekan-dekan fakulti dan mahasiswa UTeM.



# Eahniah

## EKSES AIS KENA I KAN PANGKAT AKADEMIK SIRI 2/2012

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) baru-baru ini mengumumkan senarai staf akademik yang telah berjaya dalam Eksesais Kenaikan Pangkat Akademik Siri 2/2012.

Pihak universiti ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua staf akademik terlibat dan semoga dengan kejayaan ini menjadi pendorong untuk terus melonjakkan nama UTeM ke peringkat yang lebih tinggi.

**Senarai staf yang berjaya adalah seperti berikut:**

### Profesor Madya Gred DS54

1. Profesor Madya Dr. Badrul Hisham bin Ahmad – FKEKK
2. Profesor Madya Dr. Mohd Rizal bin Salleh - FKP

### Pensyarah Gred DS52

1. Dr. Nurulfajar bin Abdul Manap - FKEKK
2. Engr. Siva Kumar a/l Subramaniam - FKEKK
3. Encik Farid Arafat bin Azidin - FKEKK
4. Dr. Mariam binti Md Ghazaly - FKE
5. Encik Ahmad Idil bin Abdul Rahman - FKE
6. Encik Azhar bin Ahmad - FKE
7. Encik Hidayat bin Zainuddin - FKE
8. Encik Mohd Shahrivel bin Mohd Aras - FKE
9. Dr. Ahmad Kamal bin Mat Yamin - FKM
10. Dr. Faiz Redza bin Ramli - FKM
11. Dr. Mohd Khairi bin Mohamed Nor - FKM
12. Dr. Mohd Nizam bin Sudin - FKM
13. Dr. Siti Nurhaida bin Khalil - FKM
14. Encik Faizil bin Wasbari - FKM
15. Encik Mohd Azli bin Salim - FKM
16. Encik Shafizal bin Mat - FKM
17. Encik Wan Mohd Farid bin Wan Mohamad - FKM
18. Encik Wan Mohd Zailimi bin Wan Abdullah @ Zakaria - FKM
19. Dr. Lau Kok Tee - FKP
20. Dr. Mohd Edeerozey bin Abd Manaf - FKP
21. Dr. Muhammad Hafidz Fazli bin Md Fauadi - FKP
22. Dr. Rosidah binti Jaafar - FKP
23. Dr. Halizah binti Basiron - FTMK
24. Dr. Norashikin binti Ahmad - FTMK
25. Dr. Noraswaliza binti Abdullah - FTMK
26. Dr. Siti Rahayu binti Selamat – FTMK
27. Encik Asmala bin Ahmad - FTMK
28. Encik Mohd Hafiz bin Zakaria - FTMK
29. Puan Noor Azilah binti Draman @ Muda - FTMK
30. Encik Sek Yong Wee – FTMK
31. Puan Syariffanor binti Hisham – FTMK
32. Dr. Fararishah binti Abdul Khalid – FPTT
33. Dr. Norain binti Ismail – FPTT
34. Dr. Linda Khoo Mei Su – PBPI
35. Dr. Noorli binti Khamis – PBPI
36. Dr. Safiah binti Sidek – PBPI
37. Dr. Sazelin binti Arif – PBPI
38. Encik Aziz bin Yahya- PBPI
39. Encik Rahman bin Hashim – PBPI
40. Puan Teh Zanariah binti Mohd Raus – PBPI



## PUSAT ISLAM ANJUR PROGRAM

# Smart & Hafizah Smart Solat

Siri 2

**3 Disember** : Bersempena musim cuti sekolah akhir tahun, Pusat Islam sekali lagi tampil dengan penganjuran program Smart Tahfiz Smart Solat yang berlangsung hari ini hingga 7 Disember 2012.

Sambutan yang diterima sangat menggalakkan apabila seramai 140 orang peserta telah mendaftarkan diri untuk mengikuti bimbingan teknik solat sempurna, bacaan dan hafazan surah dan doa serta bimbingan fardhu ain.

Kaedah pengajaran yang dilaksanakan lebih berfokus kepada latihan amali agar ilmu dapat disampaikan dengan lebih berkesan. Peserta turut diajar cara mengerjakan solat dengan betul, teknik hafazan ayat-ayat Al-Quran serta penerapan nilai-nilai cintakan Rasulullah SAW.

Program seumpama itu pernah diadakan pada musim cuti sekolah yang lepas dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada staf UTeM. Untuk itu, Pusat Islam UTeM kali ini cuba sedaya upaya untuk menyediakan tempat kepada ibu bapa yang berminat untuk mendaftarkan anak mereka ke program ini namun bilangannya akan dihadkan bagi menjamin keselesaan peserta lain.



## Kelahiran Disember



Nama Bapa : Hairul bin Anwar (Pusat Komputer)  
 Nama Ibu : Nooraznina Irma binti Mustafa (HEPA)  
 Nama bayi : **Muhammad Rayyan Khayrullah bin Hairul**  
 Tarikh lahir : 5 Disember 2012



Nama Bapa : Khairulnizam bin A. Rahman (FTMK)  
 Nama Ibu : Suhaizila binti Sari  
 Nama bayi : **Nur Aleesya Sofiya binti Khairulnizam**  
 Tarikh lahir : 29 Disember 2012



# REKREASI BERSAMA NAIB CANSELOR GILIRAN FTK, FKM DAN BAHAGIAN KESELAMATAN

**19 Disember** : Program Rekreasi Bersama Naib Canselor (RNC) meneruskan agenda menjadikan amalan gaya hidup sihat sebagai pilihan warga universiti ini.

Bertempat di Kampus Industri, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) dan Bahagian Keselamatan bergabung menjayakan Program Rekreasi Bersama Naib Canselor.

Aktiviti kali ini menampilkan kelainan apabila kawasan Kampus Industri dipilih sebagai lokasi riadah dengan aktiviti berjalan pantas diadakan bersama peserta yang hadir.

Kehadiran Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan disambut oleh peserta-peserta yang tidak sabar untuk beriadah bersama beliau dan pihak pengurusan PTJ terlibat.

Menurut Dr. Ahmad Yusoff, program sedemikian diadakan untuk mempromosikan amalan gaya hidup yang sihat, ceria dan cergas bagi mewujudkan suasana universiti yang unggul.

Menurutnya lagi, program yang dianjurkan merupakan platform terbaik untuk warga universiti mengisi masa lapang dengan melakukan aktiviti riadah sekaligus meningkatkan tahap kesihatan dan merapatkan hubungan sesama mereka.





## Bentuk Penulis Berkredibiliti Tinggi



**12 Disember** : Pusat Islam hari ini menganjurkan Kursus Penulisan Islami bertempat di Dewan Auditorium Bangunan Canselori. Seramai 108 peserta dalam kalangan staf dan mahasiswa menyertai kursus yang julung kalinya dianjurkan.

Dua orang penceramah yang tidak asing lagi dalam dunia penulisan telah dijemput bagi membimbing peserta untuk menceburkan diri dalam penulisan berunsurkan dakwah. Pusat Islam dalam kenyataannya memberitahu bahawa sambutan yang diterima amat menggalakkan malah terdapat juga peserta dari luar yang sangat berminat untuk turut mengikuti kursus tersebut.



Ustaz Mohd Pahrol Juoi dan Ustaz Hasrizal Abdul Jamil yang diundang khas berjaya memberi input berguna kepada peserta program. Bimbingan itu antara lain menyentuh sifat yang perlu ada sebagai seorang penulis sejati di samping tips-tips menjadi seorang penulis yang berkredibiliti tinggi.

## PROGRAM MOTIVASI BULANAN: KELUARGA 69

**13 Disember** : Bahagian Kesejahteraan Personel (BKPs), Pejabat Pendaftar hari ini menganjurkan program motivasi bulanan dengan tajuk "Keluarga 69".

Bertempat di Auditorium Canselori, penganjur menjemput Ustaz Nizam Ali, Pegawai agama di Pejabat Pendidikan Agama Daerah Ledang, Johor untuk menyampaikan panduan berkaitan hubungan kekeluargaan kepada peserta.

Menurut Pengarah Program tersebut, Muhammad Hazrul Esa yang ditemui berkata, seramai 170 orang staf terdiri daripada staf akademik dan bukan akademik telah hadir untuk mendengar ceramah motivasi yang disampaikan oleh Ustaz Nizam.

Dalam pada itu, Ustaz Nizam ketika menyampaikan ceramahnya menyentuh isu kepentingan berkeluarga dan tanggungjawab membimbing keluarga mengikut garis panduan yang betul. Beliau turut menghuraikan dengan terperinci peranan setiap individu dalam keluarga ke arah melahirkan suasana kekeluargaan yang harmoni seterusnya menyumbang kepada kestabilan masyarakat. Turut disentuh peranan membentuk perwatakan anak-anak dan komunikasi berkesan dalam kalangan ahli keluarga.



**KETUA EDITOR :**



Fazidah Ithnin

**WARTAWAN :**



Mohd Khairulhusaini Mohd Saad



Bob Faizeli Mohamed Din

**REKA BENTUK GRAFIK :**



Aziza Md Buang



Suria Abdul Rahman



Norhayati Yakob

**JURUFOTO :**



Md. Nor Mohamad Saleh



Asri Abu



Nurulidayu Talib



Mohd Farid Supangi

**PENGEDARAN :**



Yang Sarinah Mohd Talib



Mohammad Taufik Osman

*'To Be One of the World's Leading Innovative  
and Creative Technical Universities'*



**Always A Pioneer,  
Always Ahead**

## Universiti Teknikal Malaysia Melaka

As a Focused University, UTeM boasts strengths in technical fields – namely Engineering, Engineering Technology, Information Technology and Technology Management. UTeM has cemented a reputation of being a source of high-quality technical graduates with the capability of meeting the requirements of industries. UTeM also has research competencies in areas that it has identified as being key to enhancing the University's unique proposition and also contributes to the nation namely Green Technology, Systems Engineering, Human-Technology Interaction, and Emerging Technology.

UTeM admits not only local but also international students and this includes students from Indonesia, Saudi Arabia, Chad, Syria, Pakistan, Cameroon, Bangladesh, Tanzania, India, Somalia, Singapore, Qatar, Palestine, Libya, Iraq, Iran, Ghana, France, Yemen, Nigeria and Jordan.

UTeM has seven faculties which provide in-depth specialization in engineering, ICT and management disciplines. The faculties are Electrical Engineering, Electronics and Computer Engineering, Mechanical Engineering, Manufacturing Engineering, Information and Communication Technology, Technology Management and Technopreneurship and Engineering Technology. The university offers academic programmes at Diploma, Bachelor, Master and Doctorate levels.